



BRILL

AL-BAYĀN – JOURNAL OF QUR'ĀN AND  
HADĪTH STUDIES 14 (2016) 168-205

AL-BAYĀN

brill.com/jqhs

# Understanding the Use of *Ruqyah* (Healing Method Based on The Quran and Hadith) in the Treatment of Disease: Analysis based on *Fiqh al-Hadith* Al-Imam Al-Bukhari

## Pemahaman Terhadap Aspek Penggunaan *Ruqyah* Dalam Rawatan Penyakit: Analisis Berasaskan *Fiqh al-Hadith* Imam Al-Bukhari

*Khadher Ahmad*

Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya

*khadher82@um.edu.my*

*Mohd Anuar Ramli*

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

*mohdanuar@um.edu.my*

*Nor Azian Ab Rahman*

Gabungan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA) dan calon Ijazah  
Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

*azian\_rahman@yahoo.com*

### Abstract

*Ruqyah* refers to the healing method based on the Quran and hadith through the recitation of the Quran, seeking of refuge, remembrance and supplication that is used as a means of treating sickness and other problems, by reading verses of the Quran, the names and attributes of Allah, or by using the prayers in Arabic or in a language the meaning of which is understood. The use of *ruqyah* as a method of treatment is popular among the Islamic alternative healing practitioners. This method of *ruqyah* is based on the recommendations and practices carried out by the Prophet (pbuh) for self-treatment or to help his *Sahabah* and others. Through analysis of the inductive,

deductive and historical approaches, this article aims to explain the views of Imam al-Bukhari in relation to aspects of *ruqyah* and its use in the treatment of disease by analysing some chapters translated (*tarjamah al-bab*) by Imam al-Bukhari in the *Kitab al-Tibb*. The results show that the use of *ruqyah* in the treatment of diseases refers to the discussion of the seven chapters translated (*tarjamah al-bab*) on three main issues: [1] The use of *ruqyah* from the Quran, [2] Conditions in using a *ruqyah*, and [3] The types of *ruqyah* recommended by the Prophet.

### Keywords

*Ruqyah* – disease – Islamic treatment – *Fiqh al-Hadith* – Muslim community – al-Imam al-Bukhari

## 1 Pengenalan

Pengubatan Islam atau pengubatan alternatif mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat di Malaysia sebagai alternatif mendapatkan rawatan dan penjagaan kesihatan. Ia turut menjadi alternatif dalam mendapatkan rawatan daripada doktor di hospital atau klinik kesihatan. Lazimnya, pengubatan alternatif menjadikan asas pengubatan melalui kaedah jampi, mantera, penggunaan *ruqyah-ruqyah* tertentu, penggunaan herba-herba, kaedah urutan, berbekam, dan sebagainya. Secara umumnya, perubatan di hospital, klinik dan pusat kesihatan lebih kepada penggunaan peralatan dan teknologi moden dalam rawatan dan cenderung kepada pengambilan ubat-ubatan terhadap sesuatu penyakit berasaskan kepada nasihat dan rundingan daripada pihak doktor. Hal tersebut berbeza dengan pengubatan Islam atau alternatif yang lebih kepada penggunaan *ruqyah* sama ada bersumberkan daripada ayat-ayat al-Quran, doa daripada hadith Nabi SAW, doa-doa yang baik atau daripada pelbagai jenis jampi dan mantera.

Dalam kajian Khadher Ahmad, beliau menyatakan bahawa antara kaedah yang sering digunakan oleh pengamal pengubatan alternatif Islam adalah melalui kaedah *ruqyah*. Kajian terhadap 23 pusat rawatan Islam, mendapati bahawa 22 daripadanya (atau 95.7%) menggunakan praktikal kaedah *ruqyah* dalam rawatan pelbagai penyakit.<sup>1</sup> Keadaan ini membuktikan bahawa kaedah

1 Khadher Ahmad, *Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia*. (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia, 2012), 206.